

Pangkor mercu tanda sastera

Oleh ZULFAKAR TALIB

FESTIVAL Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor 3 yang berlangsung di Pulau Pangkor, Perak pada 15 hingga 17 Disember lalu menyaksikan peningkatan penyertaan dari negara-negara serantau. Festival kali ini turut disertai oleh peserta dari Brunei, Singapura, Indonesia, Filipina dan Rusia.

Festival yang sudah diadakan tiga tahun berturut-turut ini dianjurkan oleh Institut Darul Ridzuan dan Yayasan Kampung Karyawan Malim dengan kerjasama Majlis Perbandaran Manjung, DBP, People of Remarkable Talent (PORT) dan Perlancongan Perak dan serta ditaja oleh kerajaan negeri Perak.

Antara yang dimuatkan dalam festival tiga hari ini ialah membicarakan karya, deklamasi puisi, nyanyian lagu rakyat dan forum sastera. Semua acara ini diadakan di Hotel Puteri Bayu, pantai Pasir Bogak dan Arena Pangkor, Pulau Pangkor. Festival ini telah menjadi acara tetap dalam kalendar kegiatan kesusasteraan negara ini yang akan terus diadakan pada Disember setiap tahun.

Suatu yang membanggakan adalah kejayaan festival ini meletakkan nama Malaysia dan Pulau Pangkor dalam peta kesusasteraan dan kesenian yang bertaraf antarabangsa. Ini membuktikan Malaysia bukan sahaja terkenal dengan acara bertaraf dunia seperti Formula Satu (F1), Le Tour De Langkawi (LTDL) atau Piala Monsun sahaja. Malah tercatat di peta dunia sebagai destinasi kegiatan kesusasteraan dan kesenian menerusi festival ini.

Melihat kejayaan penganjuran tiga tahun berturut-turut ini, pada tahun depan perlu menjangkau sempadan geografi dan budaya yang lebih besar. Maknanya perlu menarik penyertaan dari banyak negara lain selain negara serantau.


Dalam ketidusan acara seni dan sastera yang bertaraf antarabangsa di negara ini, festival tersebut menjadi suatu yang cukup penting dalam konteks keterampilan Malaysia sebagai negara yang mementingkan hal-hal yang bercorak rohani dan budaya.

Tema festival tahun ini ialah Meningkatkan Harmoni Menerusi Seni. Tema ini dipilih yakin seni boleh memainkan peranan dalam meningkatkan keharmonian dan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat berbilang etnik.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dalam buku program



TALIB SAMAT



MALIM GHOZALI



RAHMAN SAARI



DR. LATIFF BAKAR



ANTOLOGI PUISI PANGKOR 2.

menyebut, "Edisi kali ini diadakan dalam skala yang lebih besar berbanding tahun lalu. Ini disebabkan sambutan baik yang ditunjukkan oleh kalangan penyair dan penggiat lagu rakyat serta sambutan menggalakkan daripada khalayak."

Di samping itu jumlah gerai pameran di Arena Pangkor juga turut bertambah dari lapan tahun lalu kepada 17 gerai pameran pada tahun ini.

Sebanyak sembilan segmen berlangsung antaranya yang bersifat wacana intelektual iaitu Bicara Karya *Travelog Seychelles* (Dr. Talib Samat) dan *Taman Takwa* karya Suhaimi Hj. Muhammad. Buku *Travelog Seychelles* dibicarakan oleh Abdul Rahim Abdullah dan Mohd. Zambri Abdul Malek. Manakala kumpulan puisi *Taman Takwa*

dibicarakan oleh Malim Ghozali PK dan Rahman Shaari. Antara yang menghadiri wacana ini ialah pelajar ASWARA, UPSI, UKM dan para peminat sastera khususnya puisi dari dalam dan luar negara.

Abdul Rahim Abdullah dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Mencermati Travelog Talib Samat di Seychelles* antara lain menyebutkan, "Apa pun kita patut bersyukur, kerana Tuhan telah menghantar Talib Samat ke negeri Perak. Selama beberapa tahun menetap di Tanjung Malim, beliau melaksanakan banyak kerja yang dibuatnya dalam mengimarah dan memakmurkan lagi aspek sosiobudaya, intelektualiti, sejarah dan kerja-kerja masyarakat.

Mohd. Zambri pula dalam kertas kerjanya *Travelog Seychelles Unsur Sejarah dan Pensejarahan* berkata, mungkin banyak menganggap buku ini sekadar sebuah catatan perjalanan yang boleh dirakamkan oleh sesiapa yang rajin menulis. Tetapi catatan perjalanan ke Kepulauan Seychelles seperti mengimarah kembali warisan dan kisah nostalgia kehidupan Paduka Seri Sultan Abdullah, para pembedar dan pengikutnya di sana.

Mungkin untuk setahun dua buku ini mengisi ruang dan minatnya sahaja, tetapi selepas 10 atau 20 tahun nanti buku ini akan menjadi bahan catatan sejarah yang cukup penting dan amat berguna sebagai rujukan. Jika sekiranya sebelum ini nama Pulau Seychelles begitu sinonim dengan Sultan Abdullah, mungkin selepas ini nama Seychelles akan dikaitkan dengan nama Dr. Talib Samat sebagai penulis pertama menyedari betapa kepulauan indah mengandungi sebanyak 106 buah pulau itu, begitu penting bagi rakyat negeri Perak khususnya.

Rahman Shaari dalam kertas kerja *Mencari Pengajaran Dalam Taman Takwa* menyimpulkan puisi dalam antologi *Taman Takwa* tebal dengan pendidikan agama dan kejiwaan.

Suhaimi berbakti besar kerana menghasilkan kumpulan puisi ini. Walau bagaimanapun, hanya pembaca yang bersikap rapi dalam pembacaan, dan bersedia untuk

belajar, akan memperoleh faedah daripadanya."

Malim Ghozali PK dalam kertas kerja, *Taman Takwa* Merindukan Cinta Rabbani yang asalnya adalah kata pengantar kumpulan puisi ini menyimpulkan, "Nafas cinta Suhaimi tidak kunjung putus dalam kumpulan ini, walau sesekali terasa juga dia terluka dan merasakan kepedihan. Kini, bagi Suhaimi, segala-galanya telah musnah, telah sirna. Yang tinggal hanyalah keabadian kudus di sisi Rabbani, di sebuah Taman bernama takwa."

Suhaimi yang kini berusia 79 tahun sewajarnya diangkat sebagai Sasterawan Negara sementara hayatnya masih ada. Panel Sasterawan Negara sewajarnya mengambil kira sumbangan beliau yang telah menghasilkan lebih 40 buah kumpulan puisi persendirian.

Kemuncak festival ini ialah acara perasmian dan pelancaran buku antologi *Puisi Pangkor 2* yang diselenggarakan oleh Malim Ghozali PK dan buku *Travelog Seychelles* karya Dr. Talib Samat oleh Dr. Zambry.

Antologi *Puisi Pangkor 2* terbitan Institut Darul Ridzuan dan Yayasan Kampung Karyawan Malim (2012) menghimpunkan 30 buah puisi yang telah dideklamasikan pada festival yang sama tahun lalu.

Sementara itu forum bertajuk Meningkatkan Harmoni Menerusi Seni yang diadakan pada 16 Disember di Arena Pangkor turut melibatkan panel yang terdiri daripada Prof. Teo Keok Seng (UKM), Zefri Ariff (Universiti Brunei Darussalam), Prof. Datuk Dr. Abdul Latif Abu Bakar (Ketua Satu GAPENA) dan Isbedy Stiawan (TV Lampung Indonesia). Acara forum dikendalikan oleh Dr. Lim Swee Tin (UPM) begitu bersemangat sekali ingin mencari titik temu perpaduan kaum dan keharmonian negara menerusi karya seni khususnya kesusasteraan.